

Praktis Pengukuhan 1

Bulatkan kata bilangan yang terdapat dalam ayat-ayat di bawah. Kemudian, kelaskan kata bilangan tersebut mengikut jenisnya.

Ayat	Jenis Kata Bilangan
1 Marina memberikan satu pertiga daripada kek yang dibuatnya kepada Swee Ling.	
2 Ayah membeli tiga ekor ikan patin dan seikat bayam di pasar tani pagi tadi.	
3 Husna mendapat tempat ketiga dalam pertandingan menulis cerpen anjuran sebuah akhbar tempatan.	
4 Cikgu Gan meminta pelajar kelasnya berdiri di tempat masing-masing.	
5 Semua warga sekolah dijemput hadir dalam aktiviti gotong-royong menceriakan kawasan sekolah.	
6 Beratus-ratus buah motosikal musnah dalam satu kebakaran yang berlaku malam tadi.	
7 Encik Murad mengalu-alukan kehadiran para tetamu ke majlis perkahwinan anak perempuannya.	
8 Kedua-dua orang peserta itu layak ke pusingan akhir yang akan diadakan pada petang ini.	

Soalan 2 : Kenal pasti kesalahan penggunaan kata bilangan dibawah dan tuliskan jawapan yang betul di atas garisan yang diberi.

- Pembinaan hospital baharu di bandar itu memakan masa bertahun untuk disiapkan.

- Tiap hari, bapa Lingam menjual nasi lemak bagi menyara kehidupan keluarganya.

- Setengah orang tidak suka makan buah durian kerana baunya yang sangat kuat.

- Para-para anggota perkhemahan Jabatan Pertahanan Awam diminta untuk melaporkan diri di Pusat Latihan JPAM Jengka hari ini.

- Berbagai jenis ikan air tawar dijual di Pasar Tani Temerloh.

Soalan 3 : Kenal pasti empat kesalahan Bahasa bagi petikan dibawah. Kemudian, tuliskan jawapan yang betul dalam kotak yang diberi.

Pada musim cuti sekolah yang lepas, Encik Ali dan Puan Aina membawa anak-anak mereka berkelah di tepi pantai. Setibanya di pantai, Puan Aina membentangkan sekeping tikar sebagai alas untuk mereka bersantai manakala Encik Ali pula sibuk menyalakan berapa biji kayu api untuk membuat unggun api. Setelah hampir waktu senja, mereka bersiap-siap untuk pulang. Ketiga anak mereka kelihatan gembira kerana dapat bersantai di pantai yang indah itu.

(i)

(iii)

(ii)

(iv)